



12 JUN, 2021

Pasar Segar Terkawal di lokasi-lokasi terpilih

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi sepanjang PKP 3.0

Oleh SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan terus memastikan keperluan bekalan makanan di seluruh Malaysia mencukupi sepanjang tempoh Sekatan Pergerakan Penuh fasa satu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Timbalan Menteri II MAFI, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, pihaknya telah mengambil pelbagai pendekatan bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan rantaian bekalan makanan terjamin termasuklah pengrusan isu lambakan.

Menurutnya, antara pendekatan yang diambil adalah melalui pelaksanaan Pasar

Segar Terkawal (PST) di lokasi-lokasi terpilih yang beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

“Setakat ini, sebanyak 42 PST beroperasi di seluruh negara dan di Negeri Sembilan terdapat empat lokasi iaitu di Pasar Tani Kekal Paroi, Pasar Tani Kekal Bandar Seri Jempol, Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Seremban serta Agrobazaar Sendayan.

“Setiap PST akan mempunyai lapan komoditi teras iaitu sayur, buah-buahan, ikan, ayam, daging, produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS), barang runcit serta makanan (*take away*).

“Kesemua PST ini akan terus beroperasi sepanjang pelaku-



Che Abdullah (kiri) melawat PST FAMA Seremban pada Jumaat.

sanaan PK 3.0 ini,” kata Che Abdullah.

Beliau berkata demikian selepas melakukan tinjauan dan lawatan kerja di dua lokasi PST FAMA iaitu Pusat Operasi FAMA Seremban dan Agroba-

zaar Sendayan pada Jumaat.

Hadir sama, Pengurus FAMA, Datuk Mohd Fasiah Mohd Fakieh.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata, MAFI sentiasa mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan kelancaran rantaian bekalan

makanan, antaranya pengeleuaran, pengedaran dan peruncitan produk hasil pertanian serta industri makanan.

Menurutnya, MAFI dengan kerjasama semua pihak bertanggungjawab memastikan keadaan sentiasa terkawal dan bekalan makanan dalam keadaan mencukupi serta stabil.

“Ia berikutkan sektor pertanian dan industri makanan diletakkan sebagai satu perkhidmatan perlu (*essential services*),” katanya.

Dalam pada itu, jelas beliau, bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh PKP 3.0, FAMA telah mewujudkan Bilik Gerakan (*Crisis Management Centre*) yang beroperasi pada jam 8 pagi hingga 7 malam.



12 JUN, 2021

Pasar Segar Terkawal di lokasi-lokasi terpilih

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi sepanjang PKP 3.0

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan terus memastikan keperluan bekalan makanan di seluruh Malaysia mencukupi sepanjang tempoh Sekatan Pergerakan Penuh fasa satu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Timbalan Menteri II MAFI, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, pihaknya telah mengambil pelbagai pendekatan bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan rantaian bekalan makanan terjamin termasuklah pengurusan isu lambakan.